

i 11 SEP 1982

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Perjuangan kita masih di peringkat awal: PM

KUALA LUMPUR, Jumaat — Insaflah bahawa perjuangan kita untuk mengisih kemerdekaan, untuk menebus maruah dan kehormatan bangsa dan agama masih lagi di peringkat permulaan, demikian ingatan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada ahli-ahli UMNO tentang cabaran dan masa depan orang Melayu.

Katanya, jangka masa 25 tahun merdeka hanya satu ruang masa yang pendek bagi sejarah sesuatu negara dan masih banyak perjuangan yang mesti dihadapi.

"Perjuangan tidak ada hujung, setiap detik adalah permulaan dan setiap permulaan harus kita lalui dengan semangat yang gigih dan langkahan yang teliti dan tegas.

"Perjuangan kita memerlukan satu semangat, satu suara dan satu tindakan bagi menjamin hasil yang berkesan," ujarnya.

Berucap di Perhimpunan Agung UMNO Ke-33, di sini, hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir ber kata, negara masih menghadapi berbagai cabaran seperti ancaman komunis, anasir yang memecah-belahkan rakyat, inflasi dan kemerosotan eksport negara.

Dalam suasana seperti ini, tambahnya, apa yang perlu ialah meningkatkan ketahanan, kemampuan dan keupayaan dalam semua bidang supaya kita tidak mudah diperdaya dan dibuat sesuka hati oleh orang lain.